



BEBAS MELAMIN...Dr Liow (kanan) mencuba biskut keluaran Julie's, semalam.

Selamat dimakan

Biskut tempatan bebas daripada melamin

ALOR GAJAH: Semua biskut keluaran negara ini bebas daripada pencemaran bahan melamin dan selamat untuk dimakan.

Pencemaran yang dikesan sebelum ini hanya membabitkan penggunaan bahan penaik amonia bikarbonat yang diimport dari tiga syarikat di China dan sejak penemuan pencemaran itu, kerajaan mengharamkan pengimportan bahan berkenaan dari China sebaliknya syarikat biskut mengimport bahan itu dari Jerman pula.

Menteri Kesihatan, Datuk Liow Tiong Lai berkata kementerian dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan bekerjasama dengan pihak industri bagi memastikan biskut yang dijual di pasaran tempatan dan dieksport mematuhi tahap melamin yang ditetapkan.

Katanya, pengimport dan penggunaan tidak perlu lagi meragui mengenai keselamatan biskut yang dikeluarkan di negara ini.

“Kementeriannya mengenal pasti punca pencemaran melamin ke atas beberapa biskut keluaran negara ini yang dieksport ke luar negara adalah bahan penaik amonia bikarbonat yang diimport dari China.

“Berikutan itu, tindakan segera diambil pihak industri biskut dengan menerima pakai program jaminan keselamatan makanan berasaskan risiko yang dipantau kementeriannya bagi memastikan biskut di pasaran tempatan dan yang dieksport tidak lagi mengandungi melamin melebihi tahan yang ditetapkan,” katanya pada sidang akhbar selepas melawat kilang biskut Julie’s di Kawasan Perindustrian Kelemak, dekat sini, semalam.

Kilang biskut Julie’s antara beberapa kilang biskut yang terjejas berikutan laporan penemuan melamin dalam biskut yang diimport dari negara ini.

Bagaimanapun, setakat ini, syarikat berkenaan sudah mematuhi segala prosedur yang ditetapkan dan biskut keluarannya dijamin bebas melamin.

Beliau berkata, paras melamin yang ditetapkan negara ini selaras dengan paras yang ditetapkan negara lain seperti United Kingdom, Kanada, Australia, New Zealand dan Hong Kong.

“Bagi memulihkan keyakinan pasaran dan pengguna, kerajaan sudah mengemukakan surat untuk menjelas dan menyakinkan pihak berkuasa negara pengimport akan langkah kawalan keselamatan makanan yang sudah dan sedang diambil,” katanya.